



LAPORAN PROGRAM UNIT PENGURUSAN PSIKOLOGI 2022

**BAHAGIAN PENGURUSAN SUMBER MANUSIA
KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI DAN
KOS SARA HIDUP**



LAPORAN PROGRAM TAHUN 2022
UNIT PENGURUSAN PSIKOLOGI
BAHAGIAN PENGURUSAN SUMBER MANUSIA
KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI
DAN KOS SARA HIDUP (KPDN)

1. PENDAHULUAN

Kertas ini bertujuan untuk melaporkan pelaksanaan program dan aktiviti yang telah dilaksanakan Unit Pengurusan Psikologi, Bahagian Pengurusan Sumber Manusia, Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN) sepanjang tahun 2022.

2. LATAR BELAKANG

- 2.1 Pelaksanaan program dan aktiviti Unit Pengurusan Psikologi adalah seperti yang telah diluluskan di dalam Pelan Operasi Latihan (POL) KPDN tahun 2022.
- 2.2 Kesemua program dan aktiviti yang dianjurkan oleh Unit Pengurusan Psikologi ini adalah terbuka kepada semua pegawai di ibu Pejabat KPDN serta pegawai Agensi di bawahnya.
- 2.3 Selain daripada pelaksanaan program dan aktiviti, Perkhidmatan Kaunseling juga merupakan antara aktiviti utama Unit Pengurusan Psikologi yang dijalankan dari semasa ke semasa berdasarkan permintaan dan arahan.

3. MAKLUMAT PROGRAM DAN AKTIVITI

- 3.1 Pelaksanaan program dan aktiviti Unit Pengurusan Psikologi adalah berdasarkan empat (4) Aplikasi Psikologi yang telah digariskan di bawah Ceraian PO.3.1.1: Panduan Aplikasi Psikologi Dalam Pengurusan Sumber Manusia Sektor Awam iaitu:

3.1.1 Pembangunan:

Antara program dan aktiviti yang telah dianjurkan di bawah aplikasi pembangunan adalah seperti yang berikut:

BIL.	KURSUS/SEMINAR	TARIKH	TEMPAT
1.	Ceramah Komunikasi Dan Pengurusan Psikologi	15 – 17 Julai 2022	Puteri Bayu Beach Resort, Pangkor
2.	Fasilitator Pogram Pengupayaan Kendiri : Lukisan Keluarga Siri 1-2/2022	6 Ogos dan 20 Ogos 2022	Google Meet
3.	Ceramah Komunikasi Dan Pengurusan Psikologi Siri 2/2022	11 Ogos 2022	Bilik Makan Aras 6, KPDN
4.	Program Keselamatan & Kesejahteraan Modal Insan : Pengurusan Gangguan Di Tempat Kerja	18 Ogos 2022	Dewan Serbaguna, KPDN
5.	Sesi <i>Fun With Psikologi</i>	18 Ogos 2022	Ruang Legar, Dewan Serbaguna, KPDN
6.	Sesi <i>Fun Friday</i>	28 Oktober 2022	Perpustakaan, Aras 8, KPDN
7.	Sesi <i>Fun Friday</i>	4 November 2022	Dewan Serbaguna, KPDN
8.	Sesi <i>Fun Friday</i>	11 November 2022	Dewan Serbaguna, KPDN
9.	Sesi <i>Fun Friday</i>	9 Disember 2022	Dewan Makan, Aras 6, KPDN

3.1.2 Intervensi

Terdapat lima (5) aktiviti utama yang dijalankan di bawah Aplikasi Intervensi iaitu:

i) Perkhidmatan Kaunseling dan Psikologi

Perkhidmatan ini meliputi empat (4) jenis perkhidmatan iaitu:

- a) Kaunseling Individu
- b) Kaunseling Kelompok
- c) Intervensi Psikologi Jangka Pendek
- d) Penaksiran Psikologi

Pecahan statistik perkhidmatan sepanjang tahun 2022 adalah seperti berikut:

Perkhidmatan	Jumlah kes	Jumlah sesi
Kaunseling Individu	42	42
Kaunseling Kelompok	89	11
Intervensi Psikologi Jangka Pendek (Bimbingan/ Konsultasi)	71	71 (termasuk klien kaunseling individu yang melaksanakan sesi bimbingan)
Intervensi Psikologi Jangka Pendek (Sesi Penaksiran Psikologi)	150	150
Perkhidmatan	Jumlah Pengisi	Jumlah Ujian
Penaksiran Psikologi	174	305

ii) Rakan Pembimbing Perkhidmatan Awam (AKRAB)

Perkhidmatan ini merupakan alternatif yang disediakan untuk pegawai dan kakitangan Kementerian yang memerlukan perkhidmatan bimbingan daripada rakan sekerja yang telah terlatih.

Rakan AKRAB yang telah terlatih akan menjadi perantara untuk pegawai psikologi bagi membantu pegawai dan kakitangan yang memerlukan perkhidmatan kaunseling. Unit Pengurusan Psikologi pada tahun ini memberikan penumpuan kepada pemantapan kemahiran ahli AKRAB sedia ada. Beberapa program telah dilaksanakan pada tahun 2022 bagi mencapai matlamat tersebut.

Laporan program AKRAB yang telah dilaksanakan sepanjang tahun 2022 adalah seperti di **Lampiran 1** dan telah dikemukakan kepada Jabatan Perkhidmatan Awam pada 5 Disember 2022.

BIL.	KURSUS/ SEMINAR	TARIKH	TEMPAT
1.	Pemantapan Akrab : <i>Psychological First Aid</i>	28 - 30 Mac 2022	Google Meet

Laporan AKRAB adalah seperti di **Lampiran 1**

iii) Pementoran

Pada tahun ini Unit Pengurusan Psikologi memberikan penumpuan kepada Program Pementoran Umum.

Calon-calon Menti telah dikenalpasti dengan kerjasama dengan Cawangan Perkhidmatan, Bahagian Pengurusan Sumber Manusia adalah dikalangan Pegawai yang baharu lantik di dalam Perkhidmatan Awam daripada Gred 19 dan Gred 41.

Mentor pula dilantik berdasarkan perbincangan bersama Pengarah Bahagian Pengurusan Sumber Manusia dan Bahagian Penguin Kuasa KPDN.

Beberapa aktiviti telah dijalankan sebagai sub program kepada pelaksanaan Program Pementoran 2022. Antara aktiviti yang dijalankan adalah seperti berikut:

BIL.	KURSUS/ SEMINAR	TARIKH	TEMPAT
1.	Program Pemantapan Pementoran : <i>Shaping The Leader In You</i>	9 Jun 2022	Hotel Sama-Sama, Sepang
2.	Program Training Of Trainer (TOT): Pementoran Tahun 2022	1 – 3 Julai 2022	Dayang Bay Resort Langkawi

Laporan Program Pementoran seperti di **Lampiran 2**

Laporan lengkap program Pementoran yang telah dilaksanakan sepanjang tahun 2022 adalah seperti di **Lampiran 2** dan telah dikemukakan kepada Jabatan Perkhidmatan Awam pada 5 Disember 2022.

4. KOS PELAKSANAAN

Jumlah keseluruhan kos pelaksanaan program dan aktiviti Unit Pengurusan Psikologi adalah sebanyak **RM 41,280.50** berbanding dengan anggaran kos asal pelaksanaan kursus/seminar mengikut Pelan Operasi Latihan (POL) KPDN Tahun 2022 iaitu sebanyak **RM 45,100.00**. Penjimatan ini adalah kerana pelaksanaan kursus secara fizikal telah diubah kepada secara atas talian. Program yang dilaksanakan tidak melibatkan kos penginapan serta makanan dan ini telah menyumbang kepada pengurangan kos secara keseluruhannya.

5. RUMUSAN

- 5.1 Program dan aktiviti Unit Pengurusan Psikologi berjalan dengan lancar dan laporan pelaksanaan bagi program masing-masing telah disediakan;
- 5.2 Di samping itu, program dan aktiviti secara anjuran bersama dengan Kementerian atau Jabatan lain sepanjang tahun 2022 memberikan kesan yang lebih baik terutamanya di dalam usaha mengoptimumkan peruntukan yang sedia ada;
- 5.3 Unit Pengurusan Psikologi KPDN juga mencapai pelaksanaan objektif program dan aktiviti bagi tahun 2022 seperti yang telah diluluskan di dalam POL KPDN.

Disediakan oleh:

Unit Pengurusan Psikologi
Bahagian Pengurusan Sumber Manusia
Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan
Kos Sara Hidup.

Tarikh: 22 Mac 2023

LAPORAN PROGRAM UNIT PENGURUSAN PSIKOLOGI:

ULASAN PENGARAH

BAHAGIAN PENGURUSAN SUMBER MANUSIA

Tahniah Unit Pengurusan Psikologi. Teruskan
komitmen dan keemerpengen bagi tahun 2023

(NORIDAH BINTI LOHANG)

b/p: Pengarah

Bahagian Pengurusan Sumber Manusia

Kementerian Perdagangan Dalam Negeri

Dan Kosara Hidup

Tarikh: 22 Mac 2023

LAPORAN TAHUNAN PROGRAM / AKTIVITI AKRAB
KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI DAN KOS SARA HIDUP
TAHUN 2022

JAWATANKUASA

PERKARA	NAMA/ BILANGAN
NAMA PENYELARAS	PUAN NORSHILA BINTI ABDUL LATIFF H/P NO. 013-826 8187 Email: norshila@kpdnhep.gov.my
NAMA PENGERUSI	PUAN FARAH ADLINA BINTI ROPAIE H/P NO. 014 602 4319 email : adlina@kpdnhep.gov.my
JUMLAH AHLI JAWATANKUASA	20 ORANG

BILANGAN KEAHLIAN AKRAB

BIL	PERINGKAT	LELAKI	PEREMPUAN
1	KEMENTERIAN	45	49
2	JABATAN/ SUK	-	-
	JUMLAH	45	49

BILANGAN KEAHLIAN AKRAB CARE

BIL	PERINGKAT	LELAKI	PEREMPUAN
1	KEMENTERIAN	7	6
2	JABATAN/ SUK	-	-
	JUMLAH	7	6

1.0 DATA STATISTIK AKTIVITI AKRAB KPDKSH

1.1 LAPORAN JUMLAH SESI BIMBINGAN KAUNSELING

JANTINA	KESIHATAN	KEWANGAN	DISIPLIN	LAIN-LAIN	JUMLAH
LELAKI	1	1	1	3	6
PEREMPUAN	1	1	0	15	17
JUMLAH	2	2	1	18	23

1.2 LAPORAN PELAKSANAAN PROGRAM AKRAB KPDKSH

BIL	NEGERI	BILANGAN MENGIKUT JENIS PROGRAM			SESI BIMBINGAN
		PSIKOLOGI	KEROHANIAN	CSR	
1	PULAU PINANG (ZON UTARA)	0	0	5	0
2	PUTRAJAYA (ZON TENGAH)	1	0	0	13
3	KELANTAN (ZON TIMUR)	0	0	0	2
4	TERENGGANU (ZON TIMUR)	0	0	1	0
5	NEGERI SEMBILAN (ZON SELATAN)	0	0	1	0
6	JOHOR (ZON SELATAN)	1	1	0	0
7	SARAWAK (ZON BORNEO)	1	0	8	0
8	SABAH (ZON BORNEO)	0	0	0	1
9	W.P LABUAN (ZON BORNEO)	1	0	1	7
JUMLAH		4	1	16	23

2.0 LAPORAN PROGRAM / AKTIVITI AKRAB KPDKSH TAHUN 2022

2.1 AKRAB ZON UTARA

2.1.1 PROGRAM ZIARAH KASIH AKRAB KPDKSH NEGERI PULAU PINANG



Ziarah Kasih PP Febriany Citra Kesuma



Ziarah Kasih Anak PMP Fakhrullah Faqeh



Ziarah Kasih Ayahanda Mertua PP Roslan Bin Ridzuan

Pegawai AKRAB KPDKSH Negeri Pulau Pinang bersama dengan lain-lain Pegawai Penguat Kuasa KPDKSH Negeri Pulau Pinang telah menjalankan “Program Ziarah Kasih” bagi menziarahi pegawai atau ahli keluarga pegawai yang telah ditimpa musibah sepanjang tahun 2022. Pada kunjungan tersebut, AKRAB Negeri Pulau Pinang turut memberikan sokongan psikologi kepada pegawai terbabit dan juga menyampaikan sedikit sumbangan hasil kutipan daripada warga KPDKSH Negeri Pulau Pinang bagi meringankan pegawai dan keluarga.

2.2 AKRAB ZON TENGAH

2.2.1 PROGRAM PEMANTAPAN AKRAB: PSYCHOLIGICAL FIRST AID



Program ini diadakan pada 28 hingga 30 Mac 2022 secara atas talian. Program ini telah mendapat bimbingan daripada pihak MERCY Malaysia. Objektif program ini ialah supaya ahli AKRAB KPDKSH dapat mempelajari berkaitan trauma ke atas psikologi

yang mungkin dihadapi dan kaedah pengurusan psikologi ke atas mangsa bencana, musibah atau ujian kehidupan yang dilalui. Seramai 35 ahli AKRAB telah menghadiri program ini.

2.2.2 PROGRAM SESI AKTIVITI INTERAKTIF BERSAMA AKRAB KPDKSH



Program telah diadakan pada 18 Ogos 2022 bertempat di ruang legar Dewan Serbaguna KPDKSH bersempena Program Keselamatan & Kesejahteraan Modal Insan: Pengurusan Gangguan Di Tempat Kerja anjuran Unit Pengurusan Psikologi, KPDKSH. Antara aktiviti diadakan ialah *Color Therapy Corner*, *Mini Games*, Ujian Psikologi dan Kaunter Khidmat Nasihat yang dikendalikan oleh ahli AKRAB KPDKSH.

2.3 AKRAB ZON SELATAN (NEGERI SEMBILAN)

2.3.1 PROGRAM ZIARAH AKRAB KPDKSH NEGERI SEMBILAN



Pada 27 Oktober 2022, AKRAB KPDKSH Negeri Sembilan pasukan AJK Kelab Kebajikan KPDKSH Negeri Sembilan telah menziarahi Encik Hazlan bin AB Halim iaitu bekas pegawai KPDKSH Kuala Pilah yang ditimpa musibah kebakaran rumah. Pada kunjungan tersebut, AKRAB Negeri Sembilan telah memberikan sokongan psikologi kepada pegawai terbabit dan juga menyampaikan sedikit sumbangan hasil kutipan daripada warga KPDKSH Negeri Sembilan bagi meringankan kesulitan beliau dan keluarga.

2.4 AKRAB ZON SELATAN (JOHOR)

2.4.1 PROGRAM CERAMAH KEROHANIAN AMALAN NILAI MURNI



Pada 25 Jun 2022 AKRAB KPDKSH Negeri Johor telah menganjurkan Program Ceramah Nilai Murni. Seramai 30 orang peserta telah hadir ke program ini. Tajuk perkongsian ialah Akhlak Mulia : Nilai Murni & Budaya Kerja yang telah disampaikan oleh Ustazah Norhasnizah daripada Majlis Agama Islam Negeri Johor. Program ini bertujuan bagi meningkatkan kesedaran kepada warga KPDKSH Negeri Johor tentang penerapan amalan nilai murni dalam pekerjaan dan kehidupan.

2.4.2 PROGRAM SUKAN MUHIBBAH KPDKSH NEGERI JOHOR



Pada 16 Oktober 2022, AKRAB KPDKSH Negeri Johor dengan kerjasama Kelab Sukan dan Kebajikan KPDKSH Negeri Johor telah menganjurkan Program Sukan Muhibbah peringkat KPDKSH Negeri Johor. Antara acara yang dipertandingkan ialah sukan tradisional seperti congkak, dart, karom, batu seremban dan dam aji. Melalui program ini, selain dapat mengeratkan silaturrahim sesama warga KPDKSH Johor, peserta juga dapat merehatkan minda dan meredakan tekanan beban kerja.

2.5 AKRAB ZON TIMUR (TERENGGANU)

2.5.1 PROGRAM ZIARAH AKRAB KPDKSH NEGERI TERENGGANU



Pada 1 November 2022, AKRAB KPDKSH Negeri Terengganu bersama pasukan AJK Kelab Kebajikan KPDKSH Negeri Terengganu telah menziarahi Encik Syamril bin Ngah, Penolong Pegawai Penguatkuasa KPDKSH Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur yang telah kematian ibunya di Kampung Beladau Kolam Manir, Kuala Terengganu. Pada kunjungan tersebut, AKRAB Negeri Terengganu telah memberikan sokongan psikologi kepada pegawai terbabit dan juga menyampaikan sedikit sumbangan kepada beliau.

2.6 AKRAB ZON BORNEO (SARAWAK)

2.6.1 PROGRAM KERJASAMA DENGAN AGENSI KOMUNITI



Jemputan kepada AKRAB Sarawak (Puan Mastura binti Hj. Ariffin) sebagai Fasilitator untuk Kursus Latihan Mentor & Menti anjuran Kolej Komuniti Kuching pada 7 Januari 2022. Dalam program tersebut, beliau telah berkongsi ilmu dan pengalaman tentang kepimpinan seorang mentor.

2.6.2 PROGRAM KHIDMAT BAKTI KEBAJIKAN KEPADA KOMUNITI



AKRAB KPDKSH Sarawak bersama-sama pihak pengurusan KPDKSH Negeri Sarawak telah mengadakan lawatan dan menyampaikan sumbangan kepada mangsa kebakaran di Kampung Kudei, Kuching pada 29 September 2022. Pada lawatan tersebut, mangsa juga telah diberikan sokongan psikologi bagi membantu mereka mengurangkan kesan trauma yang berlaku akibat kejadian tersebut.

2.6.3 PROGRAM ZIARAH AKRAB KPDKSH NEGERI SARAWAK



Sepanjang 2022 ini, AKRAB KPDKSH Negeri Sarawak telah mengadakan beberapa siri kunjungan bagi menziarahi warga KDNHEP Negeri Sarawak yang telah kematian ahli keluarga / sakit / dilanda musibah. Pada kunjungan tersebut, AKRAB Negeri Sarawak telah memberikan sokongan psikologi kepada pegawai terbabit dan juga menyampaikan sedikit sumbangan hasil kutipan daripada warga KPDKSH Negeri Sarawak bagi meringankan kesulitan pegawai dan keluarga.

2.7 AKRAB ZON BORNEO (WILAYAH PERSEKUTUAN LABUAN)

2.7.1 PROGRAM TEAM BUILDING WARGA KPDKSH W.P LABUAN




Program telah dilaksanakan pada 4 September 2022 bertempat di Pantai Tanjung Aru, Kota Kinabalu, Sabah. Objektif program adalah bagi mengeratkan lagi hubungan silaturrahim dan kerjasama antara warga KPDKSH W.P Labuan. AKRAB W.P Labuan berperanan membantu sebagai urusetia dan fasilitator program berkenaan.

3.0 LAPORAN MESYUARAT AHLI JAWATANKUASA AKRAB TAHUN 2022



**Mesyuarat Ahli Jawatankuasa AKRAB
Bil. 1/2022**



**Mesyuarat Ahli Jawatankuasa AKRAB
Bil. 2/2022**

Mesyuarat Ahli Jawatankuasa AKRAB KPDKSH Sesi 2020/2022 telah dilaksanakan sebanyak 2 kali. Mesyuarat pertama ialah pada 26 Mei 2022 bertempat di Rumah Kelab, KPDKSH dan telah dirasmikan oleh YBhg. Datin Roszanina binti Wahab, Timbalan Ketua Setiausaha (Pendayaupayaan Pengguna dan Pengurusan), KPDKSH. Agenda mesyuarat tersebut adalah untuk membincangkan tentang perancangan program AKRAB bagi tahun 2022. Manakala mesyuarat kedua telah berlangsung pada 26 Oktober 2022 secara atas talian. Mesyuarat ini bertujuan untuk membincangkan perkembangan program / aktiviti AKRAB KPDKSH sepanjang tahun 2022 dan persediaan penyediaan laporan tahunan.

4.0 PENCAPAIAN TERBAIK AKRAB KEMENTERIAN/ JABATAN/ SUK



Puan Nurazreen binti Mohd Amin

Pegawai Penguin Kuasa KP48

Bahagian Penguin Kuasa, KPDKSH

1. Deklamasi Sajak sempena Sambutan Hari Penguin Kuasa di Maktab Penjara Kajang pada 21 Julai 2022
2. Deklamasi Sajak sempena Hari Kebangsaan dan Hari Malaysia (Majlis Perhimpunan Bulanan KPDKSH Bulan September 2022)
3. Coretan Integriti sempena Hari Integriti KPDKSH pada 22 November 2022



Puan Mastura binti Hj. Arifin

Pegawai Penguin Kuasa KP44

KPDKSH Negeri Sarawak

1. Fasilitator Kursus Latihan Mentor dan Menti pada 7 Januari di Kolej Komuniti, Kuching, Sarawak.
2. Fasilitator Program Orientasi Pelajar bertajuk “Siapa Saya?” dan “Mengenali Potensi Diri Melalui Kaedah AD-HTP dan Psiko- Numerologi” pada 17 Februari 2022 di Kuching Skills College, Sarawak.
3. Fasilitator Program Motivasi bertajuk “Siapa Saya?” dan “Mengenali Potensi Diri Melalui Kaedah AD-HTP dan Psiko- Numerologi” pada 23 Jun 2022 di PUSPEN Kuching, Sarawak





Puan Nor Hafizah binti Hj. Haron
Pegawai Penguatkuasa KP44
Bahagian Penguat Kuasa, KPDKSH



Panel mewakili Malaysia dalam Seminar Perlindungan Harta Intelek secara atas talian di Manila, Filipina anjuran Asia Video Industry Association (AVIA) bersama Coalition Against Piracy (CAP) pada 2 September 2022.
Tajuk perkongsian: "*Lessons Learned from Site Blocking in Malaysia*"

5.0 CADANGAN PENAMBAHBAIKAN PROGRAM AKRAB

- 5.1 Melaksanakan kursus / program ulangkaji kemahiran bimbingan untuk ahli AKRAB supaya ahli AKRAB dapat mengaplikasikan kemahiran dan memainkan peranan sebenar mereka sebagai rakan pembimbing dengan lebih yakin dan efektif.
- 5.2 Mewujudkan lebih banyak platform untuk memperkasakan peranan AKRAB terutama daripada segi kemahiran sesi bimbingan dan fasilitator menerusi penglibatan dalam program / aktiviti Kementerian serta rujukan kes kepada ahli AKRAB oleh pihak jabatan.
- 5.3 Membuat penelitian semula keahlian AKRAB KPDKSH melalui proses pemutihan supaya kefungsian ahli AKRAB dapat dioptimumkan dan peranan sebagai rakan pembimbing dapat diperkasakan secara lebih efektif.
- 5.4 Menambah bilangan keahlian AKRAB khususnya di peringkat bahagian / negeri / cawangan yang tiada / kurang ahli supaya lebih ramai warga KPDKSH mendapat manfaat daripada perkhidmatan bimbingan daripada ahli AKRAB.

5.5 Mewujudkan Sistem Rekod Perkhidmatan AKRAB yang khusus bagi mengawal selia aktiviti / program bimbingan yang dilaksanakan selain memastikan kefungsian ahli AKRAB di peringkat jabatan.

6.0 ULASAN (KESELURUHAN) PENYELARAS KEMENTERIAN/ JABATAN/ SUK

Secara keseluruhan Program AKRAB Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDKSH) bagi Tahun 2022 telah dapat dilaksanakan dengan jayanya seperti yang dirancang. Semua ahli AKRAB Kementerian termasuk di KPDKSH Negeri dan Cawangan telah memberi kerjasama dan komitmen yang baik terhadap program yang dianjurkan. Ini seperti mana yang telah dihasratkan oleh Ketua Setiausaha KPDKSH selaku Penaung AKRAB agar ahli AKRAB sentiasa proaktif dan giat memainkan perananannya sebagai *Agent of Change* kepada Kementerian dalam pembentukan modal insan yang baik serta berkualiti.

Disediakan oleh:

Unit Pengurusan Psikologi

Bahagian Pengurusan Sumber Manusia
Kementerian Perdagangan Dalam Negeri
dan Kos Sara Hidup

LAPORAN PROGRAM PEMENTORAN KESELURUHAN

KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI DAN KOS SARA HIDUP

TAHUN 2022

1. Tarikh Mula : 1 Julai 2022

Tarikh Tamat : 31 Disember 2022

2. Peserta

Mentor	Menti
Bilangan Peserta : 11 Mentor yang terpilih adalah pegawai yang berpengalaman dalam perkhidmatan beliau.	Bilangan Peserta : 18 orang Menti yang terpilih adalah pegawai yang baru lantik dalam perkhidmatan iaitu Gred 41.
Mentor yang terpilih adalah pegawai daripada pelbagai skim perkhidmatan gunasama.	Menti yang terpilih adalah pegawai daripada pelbagai skim perkhidmatan gunasama.


3. Skop Pementoran : i. Pegawai Lantikan Baru

 /

ii. Kenaikan Pangkat

iii. Bertukar Masuk

4. Gambar Program Pementoran



Rajah 4.3 Gambar pelaksanaan Program TOT Pementoran di Dayang Bay Langkawi, Kedah.

5. Ulasan Keseluruhan Penyelaras Kementerian:

Program Pementoran Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDKSH) telah membawa fokus pelaksanaan Program Pementoran

kepada aspek kepimpinan. Program kali ini telah melantik pegawai daripada pelbagai skim perkhidmatan gunasama yang baru dari Gred 41 sebagai Menti.

Para Mentor yang dipilih perlu mengatur strategi dan juga merangka alternatif yang sesuai dalam membentuk dan mempertingkatkan kewibawaan dalam diri Menti. Pasangan Mentor yang terpilih adalah pegawai yang telah lama berkhidmat dalam perkhidmatan awam.

Pelaksanaan Program Pementoran pada tahun 2022 juga akan memberikan cabaran yang baru kepada para Mentor khususnya kerana program ini adalah berbeza dengan Program Pementoran yang pernah dilaksanakan sebelum ini di KPDKSH. Mentor perlu merancang pelan pembelajaran yang komprehensif dalam tempoh enam (6) bulan dan juga membahagikan masa terutamanya bagi Mentor yang perlu membimbang empat (4) orang Menti dalam tempoh yang sama.

Bahan-bahan perbincangan berkaitan dengan kepimpinan juga dibekalkan kepada pasangan Mentor dan Menti sepanjang enam (6) bulan ini. Antara topik yang dikongsikan adalah komunikasi efektif, peranan ketua dalam mewujudkan persekitaran kerja yang sihat serta bagaimana *cognitive biases* mempengaruhi proses pembuatan keputusan.

Secara keseluruhannya, pelaksanaan Program Pementoran KPDKSH Tahun 2022 berjalan dengan lancar dan akan ditamatkan pada bulan Disember 2022. Mesyuarat Penyelaras Penyelaras telah dilaksanakan sebanyak 2 kali dalam tempoh enam (6) bulan mengikut penetapan daripada pihak pengurusan KPDKSH.

Pasangan Mentor dan Menti juga memberikan pandangan yang positif semasa pelaksanaan Program Pementoran semasa Mesyuarat Penyelaras. Pasangan Mentor dan Menti memberikan maklum balas agar pasangan boleh terus dipadankan daripada Bahagian yang sama pada masa hadapan kerana ia memudahkan proses perjumpaan semasa waktu bekerja.

Selain daripada Program Pementoran Umum dan juga Program Pementoran Kepimpinan, konsep bagi Program Pementoran di KPDKSH pada masa yang akan datang boleh dikembangkan kepada pengamalan penurunan ilmu *tacit* dari segi bidang kepakaran di kalangan skim Penguat Kuasa.

Majlis Apresiasi Pementoran akan dilaksanakan semasa pelantikan barisan Mentor Menti bagi tahun 2023 nanti.

Disediakan oleh:

Unit Pengurusan Psikologi

Urus setia Program Pementoran
Bahagian Pengurusan Sumber Manusia
Kementerian Perdagangan Dalam Negeri
dan Kos Sara Hidup

Tarikh: 30 November 2022